

## **Pensyarah Berkongsi Ilmu Dengan Masyarakat Melalui Blog Bernama**

**23 Februari, 2012**

**Oleh Mohamad Azim Fitri Abd Aziz**

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Di kala ramai penulis blog di negara ini mengupas pelbagai isu kontemporari, seorang blogger pula mendapat kepuasan dengan menulis blog untuk berkongsi pengetahuan.

Khirulnizam Abd Rahman, bergelumang dalam penulisan blog melalui Kerul.net, yakin bahawa blog adalah satu medium penting untuk diperturunkan segala ilmu dan kepakaran kepada orang ramai.

Pensyarah dalam bidang e-Dagang Fakulti Teknologi Sains dan Informasi di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) ini mula berjinak dengan penulisan blog pada tahun 2005 menggunakan 'Yahoo! 360' sebagai domain (alamat) blognya sebelum beralih arah kepada domain 'Blogspot' (Kerul.Blogspot) pada 2008.

Khirulnizam, 36, berkata beliau mula menceburi dunia penulisan blog kerana terpanggil untuk meluahkan segala ilmu beliau dalam bidang IT untuk dikongsikan bersama masyarakat umum.

"Saya rasa kerjaya saya sebagai pensyarah bukan sahaja terhad untuk menyebarkan ilmu di kampus tetapi kepakaran saya ini juga untuk masyarakat.

"Pada awalnya saya melihat di Internet banyak maklumat yang boleh diperolehi, tetapi kesemuanya dalam Bahasa Inggeris, saya berasa terpanggil untuk mencurahkan segala ilmu yang ada dalam Bahasa Melayu," katanya ketika ditemubual penulis di KUIS, Bangi baru-baru ini.

### **TANGGUNGJAWAB SOSIAL**

Beliau yang berkelulusan sarjana Teknologi Maklumat dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata kebanyakan blog perkongsian ilmu lebih menumpukan kepada penulisan Bahasa Inggeris yang memberi kesukaran kepada mereka yang kurang mahir dalam Bahasa Inggeris.

"Jika anda lihat di blog saya (Kerul.Net), memang banyak artikel yang saya tulis dalam Bahasa Inggeris tetapi saya turut mewujudkan satu ruang khusus untuk artikel dalam Bahasa Melayu seperti panduan mewujudkan laman sesawang menggunakan sistem pengurusan kandungan sumber terbuka (CMS) iaitu Joomla!.

"Selepas saya menulis artikel dalam Bahasa Melayu, Alhamdulillah saya terima banyak maklumat balas positif baginya berbanding artikel saya dalam Bahasa Inggeris," kata beliau.

Beliau yang mula berkhidmat dengan KUIS pada tahun 2000 amat kagum dengan dasar majikannya yang menggalakkan para pensyarah menyebarkan segala pengetahuan mereka bukan sahaja kepada penuntut malah diperluaskan kepada masyarakat seperti melalui penulisan blog.

"Saya lihat sekarang ini kebanyakan masyarakat mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang tetapi tidak ramai yang ingin kongsikannya, hal ini bagi saya sesuatu yang kurang

baik kerana ilmu tidak eksklusif bagi sesiapa tetapi harus dikongsi bersama," katanya.

### **BLOGGER MASA KINI**

Beliau memerhatikan yang kebanyakan blogger pada hari ini lebih menumpukan pada penulisan berbentuk santai yang berkongsi jurnal harian atau berkongsi perisian, lagu dan video dan yang lain adalah blogger politik.

Di Malaysia, blog perkongsian ilmu amat kurang untuk dilayari kerana beberapa faktor termasuk budaya masyarakat tempatan yang tidak mempunyai kecenderungan untuk berkongsi ilmu dengan orang lain.

"Pada hari ini kita nampak ada yang menjadikan blog sebagai sumber pendapatan sampingan seperti menyewakan ruang iklan di blog mereka dan pendapatan itu bergantung kepada populariti sesebuah blog," katanya.

Menurutnya lagi, kebiasaan blog yang sudah popular yang mempunyai 10,000 pengunjung setiap hari boleh mendapat bayaran sewa iklan kira-kira RM500 bagi satu ruangan kecil.

### **PELUANG MEMPROMOSIKAN DIRI**

Anak kelahiran Batu Pahat, Johor ini tidak melihat iklan sebagai penentu kejayaan seseorang blogger tetapi yang menjadi penentu adalah gaya penulisan dan penyampaian yang mampu menarik minat masyarakat umum.

"Ada beberapa syarikat yang memanggil saya untuk memberi ceramah selepas tertarik dengan apa yang saya kongsi di blog, dan saya rasa itu satu perkara yang baik, hasil kerja saya di blog diterima baik dan seterusnya mereka menjemput saya untuk memberi ceramah," katanya.

Menurutnya, satu daripada tanggungjawab beliau selepas mewujudkan blog adalah sentiasa menulis artikel bermutu bagi memastikan pengunjung blog kekal membaca artikel yang ditulis itu.

"Sekali dalam seminggu saya mesti keluarkan artikel kepada pembaca blog saya. Apa yang saya dapat untuk satu minggu itu saya akan tulis dengan baik dan akan saya keluarkan," katanya.

### **CABARAN SEBAGAI BLOGGER**

Bagi pensyarah muda ini, cabaran sebagai blogger pada masa kini amat berisiko kerana ia melibatkan satu tanggungjawab yang dipikul serta perlu digalas dengan sebaiknya dalam membentuk masyarakat yang berilmu.

Menurutnya, sebagai seorang blogger yang beretika, beliau akan berfikir dahulu sebelum mengeluarkan sesuatu artikel yang ditulisnya dan menjadi satu kesalahan pada beliau apabila menulis sesuatu perkongsian ilmu yang beliau sendiri tidak pernah alami.

"Macam mana kita nak kongsi sesuatu ilmu itu kalau kita tidak alaminya, kita tidak pelajarinya, kita perlu ada pengalaman dalam bidang itu. Sebelum menulis sesuatu artikel perlunya membuat kajian dan penelitian kerana ia melibatkan ilmu yang ingin dikongsi, dan ia bukan boleh direka sesuka hati," katanya.

Beliau turut menyatakan pandangan bahawa ada sesetengah blogger yang sekadar menyalin segala maklumat yang diperolehi dan seterusnya menampal maklumat itu di blog mereka dan mendakwa ia adalah hasil penulisan mereka.

"Ia sesuatu yang tidak boleh diterima akal apabila meniru ilmu orang lain dan mengatakan ia hasil penulisan kita, apabila kita diminta beri ceramah bagaimana? komen dari pengikut kita, bagaimana? semua itu kita perlu halusi untuk memplagiat, ia satu tindakan yang tidak bermoral," katanya.

Menurut beliau, cabaran sebagai seorang blogger pada masa kini amat getir apabila ia menuntut seorang blogger menulis dengan kefahaman yang betul dan bukan sekadar menulis dengan sebarangan.

Apabila hendak menulis kita dituntut menulis dengan kaedah yang betul bagi mengelakkan pembaca tidak memahami artikel yang dikeluarkan, seterusnya ia menjadi tanggungjawab seorang blogger untuk menulis sesuatu artikel bagi memuaskan hati pembaca serta menjawab segala persoalan yang dikemukakan.

### **BLOG SEBAGAI MEDIA BARU**

Menurut Khirulnizam, sejak kebelakangan ini terlalu banyak blog yang muncul ibarat 'cendawan yang tumbuh selepas hujan' dan oleh yang demikian ia dianggap satu fenomena yang dikatakan sebagai media baru.

"Blog ini diwujudkan mungkin untuk penyampaian maklumat secara terus tanpa melalui sumber ketiga seperti media dan bagi ahli politik ia bagi mengelakkan salah tafsiran daripada apa yang disampaikan maka diwujudkan blog, dan beliau bebas menyampaikan apa yang diinginkan dan mungkin cara ini lebih selesa.

"Yang menjadi persoalan ialah blogger-blogger ini semakin bebas bersuara tanpa ada kawalan dan ini amat bahaya. Contohnya, ada blogger yang menyentuh sensitiviti agama di negara kita, apabila kita tidak pakar dalam sesuatu bidang kita hendak bercakap dalam bidang itu, ini satu kesalahan baik dari segi etika mahupun undang-undang," katanya.

Negara kita mempunyai pelbagai akta seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 mungkin akta ini boleh digunakan bagi membendung salah laku blogger walaupun kita tahu amat susah mengesan blogger ini, katanya lagi.

"Saya anggap blogger yang suka menabur fitnah ini sebagai 'parasit' walaupun kita sudah sekat mereka dan gunakan pelbagai cara mereka tetap hidup semula. Kadang kala blogger ini ada yang fanatik terhadap seseorang, justeru itu dia melakukan pelbagai cara untuk menjatuhkan lawan kepada orang yang disanjungnya itu," katanya.

Khirulnizam beranggapan kuasa media baru seperti blog ini mungkin pada satu hari nanti mampu menjadi medium penting dalam mencorakkan budaya masyarakat terutamanya di Malaysia.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsfeatures.php?id=647428>